

PM: Filipina penting

© Dr. M. Overseas Inps.

Daripada KHALID MOHD.

MANILA 4 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Filipina sebagai sebuah negara penting kepada harapan Malaysia untuk meningkatkan pelaburan dan perdagangan antara ASEAN supaya ia menjadi lebih besar, luas dan bermakna.

Menurut Perdana Menteri, pelaburan Malaysia di sini, terutama sekali di Subic Bay dijangka meningkat kepada berjuta-juta dolar dalam bidang pengeluaran, hotel, pusat peranginan, pembinaan lebuh raya dan pemasangan automobil.

Oleh itu, beliau mengajak pula para usahawan Filipina melabur di Malaysia secara usahasama dengan rakan-rakan

mereka memandangkan pelaburan yang ada pada masa ini mempunyai banyak ruang untuk diperbesar.

Berucap di upacara makan tengah hari dengan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Filipina hari ini, Dr. Mahathir berkata, peluang-peluang yang wujud hendaklah digunakan sepenuhnya memandangkan kedua-dua buah negara telah pun membuka jalan bagi mencapai kerjasam ekonomi yang lebih besar.

Satu daripadanya ialah perjanjian cukai dua kali yang ditandatangani pada tahun 1992 lagi. Perdana Menteri menegaskan ekonomi Malaysia dijangka tumbuh pada kadar lebih 8 peratus tahun ini dan ini akan membuka banyak peluang bagi pengimportan barangan Filipina ke Malaysia

U. - 5 FEB 1994
serta mempergiatkan aktiviti ekonomi yang lain.

Selain itu, katanya, langkah mempelbagaikan sumber import akan mengurangkan pergantungan kepada rakan-rakan dagangan tradisional.

Dalam masa yang sama, tambah beliau, Filipina dengan penduduknya yang ramai dan ekonomi yang sedang berkembang sudah tentu boleh mengimport lebih banyak barangan keluaran Malaysia bagi memenuhi keperluannya.

Perdagangan antara Malaysia dan Filipina pada masa ini berjumlah RM1.83 bilion dengan eksport Malaysia ke Filipina berjumlah RM1.22 bilion.

Sepatutnya, kata Dr. Mahathir jumlah ini boleh ditingkatkan lagi memandangkan

kepada kita

kedudukan kedua-dua buah negara yang dekat.

Beliau menambah, oleh kerana Malaysia dan Filipina mempunyai matlamat ekonomi dan aspirasi yang sama dalam banyak hal sudah tentu asas ini boleh dijadikan landasan untuk memperhebatkan lagi kerjasam yang sedia wujud dan melahirkan kerjasama baru.

Sungguhpun masih terdapat perbezaan politik katanya, kedua-dua kerajaan telah bersetuju untuk tidak membiarkan perbezaan ini menghalang kerjasama ekonomi mereka.

Satu contoh kerjasama baru yang melibatkan negara-negara anggota ASEAN ialah usaha memajukan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (EAGA) yang meli-

batkan selatan Filipina, Kalimantan, dan Sulawesi di Indonesia, Brunei serta Sabah dan Sarawak.

Menurut Dr. Mahathir, kawasan-kawasan ini perlu dimajukan supaya hasil kemajuan ekonomi dapat turut dirasakan di kawasan-kawasan di luar pusat-pusat bandar.

Di samping itu, tambahnya, terdapat potensi yang besar untuk dimajukan dalam sektor pelancongan, perkapalan dan komunikasi.

Perdana Menteri melahirkan keyakinan lawatannya yang turut disertai oleh para usahawan yang mempunyai pengalaman dalam pelbagai bidang akan membuka satu lembaran baru dalam kerjasama ekonomi antara kedua-dua buah negara. —*Utusan*.